

**TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA
SEMPENA
"URBANIZED DOCUMENTARY FILM"
11 MEI 2012 (JUMAAT)
2:30 PETANG
AUDITORIUM**

Terima kasih Pengacara Majlis.....

Yang Berbahagia Encik Sim Chee Keong

Pegawai Eksekutif Kanan Penang Institute merangkap ahli majlis

Y. Bhg. En Stuard Mcdonald

Pengerusi Unit Bandar, Perbandaran dan Alam Sekitar Penang Institute

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Ketua-Ketua Jabatan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Assalamualaikum wbth...

Dan Salam Sejahtera.....

Alhamdulillah, kerana pada petang ini, kita semua dapat berkumpul beramai-ramai untuk bersama-sama menonton dokumentari filem perbandaran. Dokumentari tentang rekabentuk bandar-bandar akan dipertontonkan, untuk melihat isu-isu dan juga strategi-strategi di sebalik rekabentuk bandar yang dilaksanakan oleh beberapa pihak arkitek terkemuka dunia, perancang, pembuat dasar, pemaju dan pihak-pihak berkepentingan.

Justeru di sini, pihak Majlis telah bekerjasama dengan Penang Institute & Think City untuk membuat penyaringan dokumentari tersebut.

Tayangan pertama Urbanized ini yang pertama dipertontonkan pada 19 April 2012 yang lalu di Golden Screen Cinemas Gurney Plaza di mana saya telah mewakili MPSP dan juga ahli panel pada ketika itu. Justeru, selepas menonton dan menjadi ahli panel, saya memohon kepada CEO Penang Institute, Encik Zairil dan Encik Steven Sim agar tayangan ini dapat dipertontonkan di MPSP untuk tayangan bagi semua staf MPSP, Ahli Majlis dan semua masyarakat Seberang Perai. Banyak yang boleh dipelajari daripada tayangan ini.

Alhamdulillah, pada petang ini kita dapat menonton sesuatu yang boleh memberi manfaat kepada kita dan menjadi contoh untuk pembangunan Seberang Perai. Di dalam tayangan ini, kita dapat melihat kemampunan dari seluruh aspek yang dipertontonkan seiring dengan tema kita pada tahun ini iaitu “Kemampunan Adalah Komitmen Kami”.

Di sini, apa yang saya ingin tekankan adalah kepentingan perancangan daripada peringkat bawahan dan atasan yang mana ianya dapat memberi kita satu pendedahan atau mekanisma supaya kita berfikir dengan kreatif, inovatif dan sudut berbeza daripada pandangan normal. Saya berharap semua staf saya dapat manfaat daripada tayangan ini.

Pembangunan Seberang Perai akan lebih dinikmati oleh orang ramai sekiranya kita dapat mewujudkan keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial. Pembangunan bukan hanya harus seimbang malah perlu lestari atau “sustainable” selari dengan tema MPSP tahun 2012 iaitu “Sustainability Is Our Commitment”. Lantaran itu, pembangunan ke arah Seberang Perai maju dan berdaya saing, harus seimbang dan lestari agar pelbagai masalah yang berkaitan dengan masyarakat dapat ditangani secara menyeluruh dan berkesan.

Saya berharap program ini dapat memudahkan kefahaman dan kesedaran tentang konsep perbandaran di kalangan semua pihak yang terlibat dalam proses pembangunan seperti perancang, penggubal dasar, pentadbir, pengurus projek, pemaju dan pelabur.

Cabaran yang wujud di sini adalah untuk mengimbangkan sektor perumahan, mobiliti, penggunaan ruang awam, penglibatan awam, pembangunan ekonomi, dan dasar alam sekitar yang menjadi kebimbangan sejagat. Walaupun banyak dialog, perbincangan mahupun mesyuarat diadakan, kepentingan awam tidak boleh kita abaikan. Terdapat banyak penyumbang kepada perubahan bandar, sebagaimana yang kita tahu orang awam lah yang akan memberi kesan yang besar terhadap bandar di mana mereka tinggal.

Dengan meneroka pelbagai projek-projek rekabentuk bandar di seluruh dunia, maka corak atau *frame* perbandaran dibentuk untuk perbincangan pembangunan perbandaran untuk masa hadapan bandar di Seberang Perai.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Untuk makluman tuan puan, MPSP telah menyediakan satu draf rancangan tempatan yang mana kita juga telah mendapat sebanyak 48 borang maklum balas untuk SPU dan 104 untuk SPT. Ini semua akan didengar dalam Majlis Jawatankuasa Perhubungan Awam yang akan dilantik oleh Jawatankuasa Perhubungan Awam yang akan dilantik oleh Jawatankuasa Bertindak Negeri dan draf rancangan SPS akan dilancarkan tidak lama lagi.

Dengan tidak melengahkan masa lagi, saya serahkan majlis kepada pengacara majlis untuk atur cara selanjutnya.

Sekian, terima kasih .